



KERATAN AKHBAR



Harian Metro | Selasa 21.11.2023

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my

23

lokal

 Oleh Ahmad Johari
Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya

Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat menegaskan isu dalam pendengaran petisyen bagi mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 bukan mengenai memburuk-burukkan agama Islam atau melemahkan kuasa mahkamah syariah.

Tengku Maimun yang mempengerusikan panel sembilan Hakim Mahkamah Persekutuan berkata, isu yang timbul melalui sebahagian daripada petisyen itu adalah sama ada Dewan Undangan Negeri Kelantan mempunyai kuasa untuk menggubal peruntukan dipertikaikan.

Beliau berkata, panel mengambil langkah membuat pemerhatian itu kerana begitu banyak yang diperkatakan oleh orang ramai dan kebanyakan versi adalah diputarbelitkan daripada isu sebenar.

Beliau berkata demikian ketika merujuk kepada kenyataan dibuat peguam Yusfarizal Yusoff yang mewakili Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu selaku peguam pemerhati di luar mahkamah, September lalu.

Perkara itu ditimbulkan oleh peguam Datuk Imtiaz Malik Sarwar yang mewakili pempetisyen Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan Tengku Yasmin Nastasha Tengku Abdul Rah-

Jangan hasut rakyat!

Ketua Hakim Negara tegaskan petisyen cabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 bukan burukkan Islam

man terhadap Kerajaan Negeri Kelantan di awal prosiding petisyen berkenaan.

Tengku Maimun berkata, semua pihak perlu memahami latar belakang kes dan menggesa terutama pihak terbabit secara langsung dalam petisyen itu supaya mengelak daripada menyebarkan maklumat diputarbelitkan bagi mengelakkan salah tanggapan dalam kalangan orang ramai.

"Kami ingin mengingatkan peguam bahawa anda terikat dengan etika profesion anda dan anda tahu adalah tidak wajar untuk membincangkan kes di forum awam, lebih-lebih lagi untuk mendedahkan fakta penuh kes."

"Kenyataan bahawa mahkamah syariah akan berkubur di Malaysia adalah tidak benar. Peguam juga gagal mendedahkan

fakta bahawa pempetisyen sebenarnya menimbangkan dua daripada 20 peruntukan itu adalah dalam bidang kuasa negeri Kelantan, bermakna ia di bawah mahkamah syariah.

"Kami mengingatkan semua orang khususnya peguam untuk menegakkan undang-undang dan bukan untuk memainkan sentimen yang menghasut orang ramai," katanya.

Panel turut dianggotai Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim, Hakim Besar Malaya Tan Sri Mohammad Zabidin Mohd Diah, Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Abdul Rahman Sebli, Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri P Nalini, Datuk Mary Lim Thiam Suan, Datuk Harmindar Singh Dhaliwal, Datuk Nordin Hassan dan Datuk Abu Bakar Jais.

Putrajaya: Mahkamah Persekutuan, semalam diberitahu kuasa Parlimen untuk mewujudkan kesalahan di bawah Cabang Pertama Senarai Persekutuan hanya terhadap kepada 27 perkara yang disenaraikan sahaja.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla mewakili Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia berkata, Parlimen tidak boleh mengambil alih bidang kuasa untuk mewujudkan kesalahan yang tidak termasuk dalam 27 perkara disenaraikan hanya kerana ia dianggap sebagai undang-undang jenayah.

Beliau berkata, Parlimen misalnya boleh menggubal undang-undang yang menjadikan pengubahan wang haram satu jenayah kerana kewang disenaraikan dalam Perkara 7 Senarai Persekutuan.

Antara 27 perkara yang disenaraikan dalam Cabang Pertama Senarai Persekutuan termasuk pertahanan, hal ehwal luar, kewarganegaraan persekutuan dan naturalisasi, kesihatan, komunikasi, perdagangan, pelajaran, kewangan serta pengangkutan.

Mohamed Haniff berkata, membenarkan pentafsiran luas terhadap undang-undang jenayah dalam Senarai Persekutuan dan pada masa sama menegakkan perkara

Terhad 27 perkara disenaraikan saja

yang berbeza terhadap Senarai Negeri adalah satu kesilapan.

Beliau berkata, jika istilah undang-undang jenayah dianggap merangkumi semua dan tidak terhadap kepada dua cabang di bawah Perkara 4(h) membabitkan Senarai Persekutuan, perkara sama harus digunakan untuk istilah undang-undang Islam di bawah Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri).

Menurutnya, hujahan pempetisyen ialah Parlimen Persekutuan mungkin mempunyai kuasa tidak terhadap untuk meluluskan undang-undang jenayah, termasuk dan tidak terhadap kepada mewujudkan kesalahan berhubung mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang ditangani oleh undang-undang persekutuan.

Beliau berkata, oleh itu perkara sama boleh dinyatakan mengenai kuasa Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam kerana Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan mempunyai perkataan yang sama dalam memberikan kuasa kepada negeri (membabitkan undang-undang Islam).

Sementara itu, peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berhujah, oleh kerana Perkara 4 Senarai Persekutuan membenarkan undang-undang diluluskan berkaitan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang jenayah Persekutuan tidak boleh diperluaskan kepada undang-undang Islam dalam bidang kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri di bawah Senarai Negeri.

Mengambil contoh kesalahan sihir, katanya, kesalahan khusus itu tanpa sebarang keraguan mungkin bukan bidang kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang kerana hanya mahkamah syariah boleh menentukan apa yang dianggap sebagai perbuatan sihir dalam Islam.

Antara 18 peruntukan yang dipertikaikan dalam petisyen berkenaan ialah memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat (Seksyen 11), liwat (Seksyen 14), persetubuhan dengan mayat (Seksyen 16), gangguan seksual (Seksyen 31) dan menawarkan atau menyedialkan perkhidmatan maksiat (Seksyen 43).

PEMIMPIN parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil bahagian dalam Perhimpunan Selamatkan Syariah di hadapan bangunan Perbadanan Putrajaya, semalam. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

